

Kendali perniagaan cara ini menyebabkan kerugian Mahathir tidak mahu lagi usahawan bumiputera 'berfikir besar'

UM 27 JUL 1990

Oleh
Rozaid Abdul Rahman

KUALA LUMPUR 26 Julai — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usahawan bumiputera tidak boleh lagi mengamalkan sikap 'berfikir besar' atau *think big* pada masa hadapan dalam mengendalikan urusan perniagaan mereka kerana cara itu telah menyebabkan mereka rugi besar.

Kata beliau, kerajaan telah melakukan kesilapan beberapa tahun kebelakangan ini apabila ia memperkenalkan slogan 'berfikir besar'.

Menurut Perdana Menteri, slogan tersebut telah disalahfahsirkan oleh para usahawan bumiputera bahawa mereka juga perlu 'berfikir besar' walaupun tanpa pengetahuan pengurusan.

"Penerimaan yang salah terhadap konsep ini ialah apabila para peniaga cuma memikirkan untung besar sehingga mereka lupa risiko kerugian juga sama besar," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan akan bertukar menjadi buruk apabila mereka tidak tahu mengurus satu perniagaan yang besar kerana ketiadaan pengalaman.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, inilah kelemahan paling ketara dalam diri para usahawan bumiputera iaitu terlalu bercita-cita tinggi tetapi tidak melakukan persiapan rapi menghadapi risiko.

Berucap merasmikan Simposium Kebangsaan Usahawan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, sikap ingin 'berfikir besar' tanpa persediaan fizikal dan mental telah menyebabkan para usahawan kerugian besar. (Lagi berita dan gambar - gambar di Muka 22).

Beliau menegaskan, mulai sekarang para usahawan bumiputera mestilah terlebih dahulu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan pengurusan sebelum membesarkan perniagaan.

Menurut beliau, adalah lebih menguntungkan apabila sesuatu perniagaan itu dimulakan secara berperingkat - peringkat tetapi tidak banyak berhutang dengan bank.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan mendapati kelemahan usahawan bumiputera dari segi pengurusan begitu ketara sekali dan sebab itulah sebuah universiti (Universiti Utara Malaysia) dibentuk khu-

sus untuk pendidikan pengurusan.

"Mungkin ini adalah budaya orang Melayu yang tidak menganggap berniaga sebagai satu cara hidup mereka tetapi tidak guna juga kalau kita berniaga semata-mata kerana melihat orang lain berniaga," ujarnya.

Perdana Menteri menambah, setelah menyedari akan kesilapan kerajaan dalam memperkenalkan slogan itu, satu konsep Jepun iaitu berniaga secara berperingkat - peringkat perlu ditekankan.

Dalam pada itu, beliau juga mahukan usahawan bumiputera supaya berani mengakui kelemahan diri.

"Selagi kita tidak akui kelemahan yang ada dan asyik salahkan orang lain, tidak mungkin kita akan mencapai kejayaan.

"Kejayaan hanya akan dicapai apabila kita menyedari kesilapan yang dilakukan oleh diri kita sendiri," tambah beliau.

Menyentuh peranan usahawan bumiputera dalam perkembangan ekonomi negara, Dato' Sri Dr. Ma-

hathir berkata, sebenarnya jika diperhitungkan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan, orang-orang Melayu sudahpun mencapai tahap 30 peratus kepentingan ekonomi dalam Dasar Ekonomi Baru.

Malangnya, kata Perdana Menteri, setelah mendapat bahagian yang diperuntukkan itu, kebanyakannya telah menjualnya kembali.

Keadaan yang sama, katanya, berlaku dalam saham - saham pemegang asing yang ditawarkan kepada bumiputera.

"Kita dapati mereka tidak suka memegang saham - saham secara kekal kerana mengejar keuntungan semasa dan dengan menjualnya semula penglibatan kaum bumiputera dalam bidang ekonomi menurun semula," tegas beliau.

Tambah Dato' Sri Dr. Mahathir, keadaan yang sama berlaku dalam pemberian lesen - lesen perniagaan di mana kebanyakan lesen dijual semula semata-mata dipengaruhi oleh sifat tidak sabar dan tamak.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dalam hubungan

ini usahawan wanita haruslah memainkan peranan kerana di kalangan orang Melayu kaum wanita lebih dikenali sebagai penyimpan harta yang baik dan peniaga yang cekap.

"Seperti di Kelantan, peniaga wanitanya adalah lebih ramai daripada peniaga lelaki dan walaupun mengikut adat resam mereka tidak mempunyai profil yang tinggi dalam bidang ini tetapi melalui simposium ini ia mungkin boleh menjadi titik tolaknya.

"Kini saudari dan puan-puan mempunyai dua wakil dalam kabinet saya dan kedua-duanya memegang peranan yang penting dalam bidang perniagaan dan perniagaan, mungkin mereka berdua boleh memberi bantuan jika diperlukan," katanya secara berseloroh.

Simposium tiga hari itu adalah anjuran Persatuan Wanita Bumiputera Dalam Perniagaan dan Profesion Selangor dan Wilayah Persekutuan (PENIAGAWATI) dengan kerjasama Agensi Pembangunan Antarabangsa Canada.

Turut hadir di majlis perasmian ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Canada ke Malaysia, Encik Michael Conway serta wakil-wakil usahawan dari negara-negara ASEAN.

Sebelum itu satu pertunjukan sketsa yang amat menarik telah dipersembahkan oleh Kumpulan Centre Stage arahan Puan Normah Nordin dengan pelakon utamanya, Fauziah Nawi, seorang dramatis terkenal.